



PR1MA RANGKUL 6 ANUGERAH DI STARPROPERTY AWARDS 2024

KUALA LUMPUR (16 MEI 2024): Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), agensi perumahan mampu milik utama di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), telah berjaya meraih enam anugerah di *StarProperty Awards 2024* baru-baru ini untuk enam projeknya di seluruh Malaysia. Anugerah ini telah diberikan kepada projek-projek perumahan PR1MA yang berjaya mencapai standard dan kualiti yang cemerlang dalam industri perumahan negara.

Projek-projek ini ialah:

- **Residensi Selatan Kinarut** untuk *The Government Assisted Homes Award - National Homeownership Initiative – Borneo*
(Kontraktor: Visaland Sdn Bhd)
- **Residensi Bandar Bukit Mahkota** untuk *The Government Assisted Homes Award - National Homeownership Initiative – Central*
(Kontraktor: Citra Hartamas Sdn Bhd)
- **Residensi Seremban Sentral** untuk *The Government Assisted Homes Award - National Homeownership Initiative – Southern*
(Kontraktor: Brunsfield Engineering Sdn Bhd)
- **Residensi Kajang Utama** untuk *The Starter Home Award - Best Primary Home Development (High Rise) Within Greater KL*
(Kontraktor: MRCB Utama Sdn Bhd)
- **Residensi Brickfields** untuk *The Starter Home Award - Best Primary Home Development (High Rise) Within Greater KL*
(Kontraktor: Beaks Construction Sdn Bhd)
- **Residensi D'Marina @ Pinggiran Putra 2** untuk *The Starter Home Award - Best Primary Home Development (Landed) Beyond Greater KL*
(Kontraktor: Sinergi Dayang Sdn Bhd)

StarProperty Awards 2024 mengiktiraf sumbangan pemain industri dalam sektor harta tanah dan perumahan negara seperti PR1MA yang memainkan peranan signifikan dalam memperkasa pemilikan perumahan mampu milik negara dan pembangunan komuniti menerusi projek-projeknya.

Residensi Brickfields turut memperoleh skor QLASSIC (*Quality Assessment System for Building Construction Works*) sebanyak 82%, iaitu yang tertinggi pernah dicapai oleh PR1MA setakat ini. QLASSIC adalah sistem penilaian kualiti yang dibangunkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan diiktiraf di peringkat nasional. Pencapaian ini mencerminkan komitmen PR1MA terhadap kualiti dan kecemerlangan dalam pembinaan perumahan mampu milik negara.

Menurut YBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PR1MA, “Pencapaian ini adalah pengiktirafan bermakna kepada sumbangan kami dalam memajukan industri perumahan mampu milik di Malaysia. Kejayaan ini akan mendorong kami di PR1MA untuk terus melangkah ke hadapan dan meningkatkan piawaian kecemerlangan dalam industri perumahan negara. Terima kasih saya ucapan kepada *StarProperty Awards*.”

Beliau turut menambah, “Saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada KPKT, Kementerian-kementerian bertanggungjawab, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, pihak kontraktor, rakan-rakan kerjasama dan semua pemegang taruh termasuk pembeli-pembeli kediaman dan komuniti PR1MA sendiri atas kepercayaan dan sokongan berterusan mereka kepada kami dalam menjalankan tanggungjawab kepada Rakyat, sehingga membolehkan kami memenangi anugerah-anugerah ini”.

Tahun lalu, PR1MA turut memenangi enam anugerah bagi projek-projek kediamannya yang lain menerusi *StarProperty Awards 2023*, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 12 anugerah yang telah diterima daripada penganjur tersebut setakat ini.

-TAMAT-

Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) iaitu salah sebuah agensi perumahan mampu milik utama di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012 dan bertanggungjawab di dalam pembangunan kediaman mampu milik berkualiti tinggi untuk rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA dibina dengan konsep holistik, iaitu turut memberi penekanan kepada pembangunan komuniti lestari.

Amalan mampan diguna pakai untuk membangunkan kediaman PR1MA, manakala konsep "Rumah Kita, Komuniti Kita" menekankan kehidupan masyarakat yang moden dan harmoni. PR1MA menggalakkan pengintegrasian nasional melalui program pembangunan komuniti dan keluarga berdasarkan lima (5) prinsip: Sihat, Saku, Sayang, Selamat dan Suasana. Tambahan juga, PR1MA membina ekosistem pemilikan rumah yang komprehensif buat rakyat Malaysia agar mereka dapat menikmati keselesaan kediaman PR1MA bersama keluarga. Ini termasuk menyediakan ketersambungan internet berkelajuan tinggi melalui PR1MA Communications Sdn Bhd (PCSB), menyediakan pengurusan aset dan kemudahan berkualiti melalui PR1MA Facilities Management Sdn. Bhd. (PFMSB), serta memudahkan pemberian perumahan bagi para pembeli.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Perspective Strategies

Amiruddin Azran (amiruddin.azran@perspective.com.my / +6011-11452867)

PR1MA

Khairul Faizi Dalaiil (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013-7029740)